

## **BAB 6**

### **KESIMPULAN DAN RUMUSAN**

#### **6.1 Persoalan Pokok**

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut setelah dianalisis secara kritikal.

- i. Apakah pendekatan dasar luar Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin negara membangun?
- ii. Bagaimanakah faktor ekonomi mempengaruhi Dasar Luar Malaysia?
- iii. Bagaimanakah faktor personaliti atau gaya kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad berjaya menyelesaikan masalah dan isu-isu negara-negara membangun?
- iv. Apakah isu-isu utama negara-negara membangun dalam era Dr. Mahathir Mohamad?

#### **6.2 Penemuan Hasil Kajian**

Di bawah ini diterangkan dengan terperinci empat penemuan hasil kajian daripada analisis yang dilakukan oleh penulis.

### **6.2.1 Pendekatan Dasar Luar Dr. Mahathir Mohamad**

Walaupun Dr. Mahathir Mohamad mewakili sebuah negara yang kecil tetapi ia tidak menghalang kesungguhan beliau dalam menyuarakan pandangan yang kritikal berhubung isu dan kepentingan negara-negara membangun. Beliau memainkan peranan yang aktif dalam memperjuangkan nasib negara-negara membangun di peringkat antarabangsa berbanding dengan pemimpin-pemimpin Asia yang lain. Apabila beliau berkesempatan berucap di persidangan antarabangsa beliau tidak pernah ketinggalan untuk mengemukakan gagasan besar mengenai politik antarabangsa atau mengecam dasar-dasar negara maju yang diskriminatif. Dasar-dasar luar Malaysia yang diperkenalkan oleh beliau ternyata menggambarkan pandangan dan pendirian yang kritikal terhadap negara-negara maju yang tidak lagi menghiraukan akan kepentingan serta kebajikan negara-negara membangun. Beliau menyetengahkan isu-isu penting seperti ketidakadilan ekonomi negara-negara membangun, isu kebangkitan Islam dan isu keadilan kemanusiaan kerana kecewa dengan sikap dan dasar-dasar negara-negara Barat yang sangat mementingkan diri sendiri dan menindas. Negara-negara Barat jelas tidak bertanggungjawab dan mengambil pendekatan yang tidak serius terhadap isu dan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara membangun.

Pada masa yang sama, sikap Dr. Mahathir Mohamad yang suka membidas keangkuhan dasar negara-negara Barat dalam persidangan antarabangsa jelas membantu membentuk imej beliau sebagai jurucakap negara-negara membangun. Ini adalah kerana,

sepertimana yang kita sedia maklum, pendirian yang diambil oleh Dr. Mahathir Mohamad terhadap sesuatu isu antarabangsa adalah secara langsung mewakili kepentingan negara-negara membangun. Beliau yang sangat memahami akan nasib serta permasalahan yang dihadapi oleh negara-negara membangun, mengambil pendekatan yang aktif dalam menyuarakan pandangannya di arena antarabangsa. Jelas bahawa Dr. Mahathir menggunakan peluangnya di forum-forum antarabangsa seperti persidangan di PBB, OIC, NAM, ASEAN dan lain-lain lagi untuk menyampaikan hasrat negara-negara membangun dengan berkesan sekali. Dengan adanya platform yang tertinggi seperti yang disebutkan tadi itu, maka beliau dapat memperjuangkan isu-isu negara-negara membangun supaya masyarakat antarabangsa khususnya negara-negara Barat memberi perhatian yang wajar, adil dan saksama akan segala permasalahan yang dihadapi oleh negara-negara membangun.

Perlantikan Dr. Mahathir Mohamad sebagai pengerusi kepada pertubuhan penting dunia seperti Kumpulan 77, Persidangan Komanwel, Persidangan Dadah Antarabangsa dan anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, adalah sebagai pengesahan yang diberikan oleh masyarakat antarabangsa kepada kepimpinan beliau sebagai jurucakap negara-negara membangun. Dengan perlantikannya sebagai pengerusi kepada badan yang bertaraf itu, beliau dapat menjuarai isu-isu negara membangun dengan lebih aktif lagi.

## 6.2.2 Faktor Ekonomi dan Dasar Luar Malaysia

Walaupun dasar luar dan pendirian Dr. Mahathir Mohamad begitu kritikal terhadap Barat, khususnya Amerika Syarikat, tetapi sebab ekonomi beliau masih mengutamakan hubungan dua hala dengan negara tersebut. Amerika Syarikat merupakan rakan perdagangan besar Malaysia selain ASEAN dan Jepun. Ekspot Malaysia ke Amerika Syarikat adalah berjumlah RM20.1 billion, manakala impot Malaysia dari Amerika Syarikat pula bernilai RM19.8 billion.<sup>189</sup> Selain itu, Malaysia juga masih bergantung kepada negara-negara barat dari segi dana dan bantuan bagi membangunkan ekonomi negara. Berdasarkan hakikat itulah, maka *Dasar Buy British* yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir ditamatkan pada tahun 1983. Berikutan dengan keputusan tersebut, pelaburan Britain di Malaysia meningkat dengan mendadak sekali.<sup>190</sup> Dr. Mahathir berhujah "*we have not ceased to look at the west. The fact that we continue to have some 100,000 Malaysian Students in Western Countries.*"<sup>191</sup>

Selain dari itu, Dr. Mahathir juga melakukan lawatan ke Amerika Syarikat pada bulan November 1982 bersama dengan delegasi 15 ahli perniagaan Malaysia bagi tujuan mendapatkan pelaburan dan pemindahan teknologi Amerika Syarikat. Projek MSC (Multimedia Super Corridor) adalah contoh terbaik untuk menggambarkan keadaan Malaysia yang sangat mengharapkan pelaburan dan pemindahan teknologi Amerika Syarikat bagi pembangunan ekonomi Malaysia. Begitu juga pada tahun 1985, Dr.

<sup>189</sup> *Laporan Ekonomi 1997/1998*, Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia, 1997, hlm. 151-152

<sup>190</sup> Bandyopadhyaya, K., *Political Economy of Non-Alignment*, New Delhi: South Asian Publishers, 1990, hlm. 252-253

<sup>191</sup> Joseph Liow, hlm. 135

Mahathir yang mengecam tindakan Perancis kerana menguji nuklear di Lautan Pasifik Selatan, telah membuat lawatan ke negara tersebut beberapa bulan kemudian untuk mendapatkan bantuannya dalam projek kereta nasional Malaysia.<sup>192</sup> Dr. Mahathir Mohamad berhujah "*what we are doing is wooing foreign businessmen, while thumbing our noses at the government*".<sup>193</sup> Malah ketika menjawab cadangan Perdana Menteri Israel, Yitzhak Rabin, beliau membayangkan kesanggupannya untuk mengadakan hubungan diplomatik khasnya dalam aspek ekonomi dengan Israel sekiranya isu Palestin Israel dapat diselesaikan dengan baik.<sup>194</sup> Jelas di sini, walaupun Dr. Mahathir begitu kritikal terhadap amalan dasar luar negara-negara Barat khususnya Amerika Syarikat, namun begitu beliau masih memelihara hubungan yang baik kerana mementingkan hubungan *bilateral* dan ekonomi dengannya.

Pendekatan beliau yang '*dichotomous*' juga terbukti dalam hubungannya dengan media barat kerana beliau sedar akan pengaruh kuatnya dan ini dapat membantu menonjolkan dirinya sebagai '*statesmanlike stature*'. Di sini jelas pendirian beliau terhadap kuasa barat bukan lagi berlandaskan kepada prinsip dasar luar semata-mata tetapi lebih kepada memenuhi kepentingan politik peribadi beliau iaitu memantapkan lagi legitimasi politiknya sebagai pemimpin nasionalis.

Sesungguhnya, dalam masa memperjuangkan isu-isu negara membangun, Dr. Mahathir Mohamad ternyata menggunakan dasar luar dan kepimpinannya sebagai

<sup>192</sup> R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, 1999, hlm. 143

<sup>193</sup> *ibid.*, hlm. 155

<sup>194</sup> David Camroux, hlm. 21 -

jurucakap negara membangun untuk memenuhi matlamat ekonomi negara. Misalnya kelantangan Dr. Mahathir telah membantu memperkenalkan Malaysia ke seluruh dunia dengan meluas sekali dan peluang ini digunakan dalam membantu mencari pasaran bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia khususnya dengan negara-negara yang tidak banyak dikenali sebelum ini.

Memandangkan meluaskan pasaran Malaysia adalah penting bagi ekonomi negara dari segi jangka panjang, Malaysia berusaha dengan gigih untuk menjadikan dirinya sebagai negara perindustrian yang baru iaitu sama status yang kini dimiliki oleh Singapura, Taiwan, Korea Selatan dan Hong Kong. Malaysia sedar bahawa pasaran negara-negara maju adalah penuh dengan persaingan, dan justeru itu ia perlu meneroka pasaran baru yang tidak begitu diberikan perhatian oleh negara-negara lain. Untuk itu, Dr. Mahathir Mohamad mula menumpukan perhatiannya kepada kepada negara-negara kecil untuk mendapatkan pasarnya. Walaupun pasaran negara-negara kecil itu tidaklah besar, tetapi Dr. Mahathir Mohamad berpendapat sekiranya pasaran-pasaran kecil itu boleh ditawan, secara kolektif ia menjadi besar. Oleh itu, apabila Dr. Mahathir Mohamad menjalin hubungan erat dengan kepulauan Mauritius di Lautan Hindi, di mana tujuan utamanya ialah untuk menjadikan pulau itu sebagai batu loncatan bagi pasaran Malaysia ke benua Afrika yang belum diterokai sepenuhnya selama ini. Selain itu, Mauritius juga menawarkan Malaysia akses dan peluang kepada pasaran Eropah Barat melalui kemudahan Lome Convention yang terjalin antara negara pulau itu dengan EEC.<sup>195</sup>

---

<sup>195</sup> Chamil Wariya, hlm. 126

Selain itu usaha Malaysia mengadakan hubungan yang baik dengan negara-negara Timur Tengah telah membolehkan negara meningkatkan hasil eksport ke negara-negara tersebut.<sup>196</sup> Inilah peluang ekonomi yang cuba diterokai oleh Dr. Mahathir Mohamad dengan mendekati Malaysia dengan negara-negara membangun yang lain. Ia jelas dalam kenyataan bekas Menteri Luar Negara, Tengku Ahmad Rithaudeen yang menyebut bahawa,

*"In line with the Malaysian government's policy of encouraging exports, foreign investment, transfers of technology and South-South co-operation, in the spirit of Malaysia Incorporated, the thrust of our foreign policy today is clearly in the economic field. Wisma Putra is now an economic-oriented ministry."*<sup>197</sup>

Jelas disini, hasil kajian menunjukkan matlamat dasar luar Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir telah memberi penekanan yang lebih besar kepada diplomasi ekonomi. Di bawah pegangan ini asas hubungan Malaysia dengan negara asing tidak berpegang kepada ideologi atau sistem politik seperti sebelum itu. Malaysia sedia menjalin hubungan dengan mana-mana negara yang mempunyai ideologi dan sistem politik yang bertentangan sekiranya hubungan itu boleh memberi manfaat ekonomi kepadanya.

### **6.2.3 Gaya Kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad**

Sebagai seorang pemimpin yang sangat berminat tentang hal ehwal antarabangsa, Dr. Mahathir Mohamad merupakan pemimpin Malaysia yang banyak melakukan lawatan

---

<sup>196</sup> David Camroux, hlm. 22 -

<sup>197</sup> Joseph Liow, hlm. 142

ke luar negara dengan tujuan memperkenalkan serta memperjuangkan hak-hak dan kepentingan Malaysia. Dr. Mahathir Mohamad telah meletakkan dirinya sebagai jurucakap negara-negara membangun yang menuntut keadilan dalam hubungan negara-negara membangun di Selatan dengan negara-negara maju di Utara. Perjuangan yang sedemikian pada masa yang sama adalah bertujuan untuk mendapatkan faedah ekonomi iaitu mendapatkan pasaran kepada barangan dan perkhidmatan Malaysia serta menarik pelaburan asing ke negara ini. Jelaslah dasar luar Malaysia era Dr. Mahathir adalah bertujuan untuk mengekalkan kepentingan nasional Malaysia.

Di peringkat antarabangsa, Dr. Mahathir bersuara lantang dan agresif terhadap tindak-tanduk negara-negara Barat yang dianggapnya sebagai *opportunist* dan menindas. Atas sikap yang berani itulah, maka Dr. Mahathir telah diterima oleh banyak pihak sebagai pemimpin yang berwibawa dan dianggap sebagai jurucakap negara-negara membangun. Kelantangan beliau dalam menimbulkan isu-isu yang dihadapi oleh Negara-Negara Selatan telah diiktiraf oleh banyak pihak, malah banyak negara sangat berminat untuk belajar dari kejayaan Malaysia. Semuanya ini telah menambahkan keyakinan Dr. Mahathir Mohamad untuk terus berjuang mempertahankan kepentingan Malaysia dan negara-negara membangun di arena antarabangsa. Beliau terus menggunakan kesempatan berucap di forum-forum antarabangsa bagi mengartikulasikan pandangannya dan seterusnya menarik perhatian dunia terhadap sikap dan amalan dasar-dasar negara Barat yang berat sebelah. Ini dapat dilihat apabila Dr. Mahathir yang pada mulanya tidak menghadirkan diri ke Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada tahun 1981 dan 1983 kerana tidak puas hati terhadap kewibawaan Komanwel, telah mengubah pendiriannya dan sanggup menawarkan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah



kepada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada tahun 1989. Dr. Mahathir berpendapat ia akan memberikan platform kepada Malaysia bagi mengemukakan pendiriannya berhubung kepentingan negara-negara membangun dengan lebih berkesan lagi.

Hasil kajian mendapati pandangan kritis Dr. Mahathir walaupun tidak membawa kepada sebarang perubahan drastik dari segi amalan dasar atau sikap negara-negara Barat terhadap negara-negara membangun tetapi ia sekurang-kurangnya berjaya memperkenalkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa dan seterusnya dapat memenuhi hasrat Malaysia untuk mendapatkan manfaat ekonomi.

#### **6.2.4 Isu-Isu Utama Negara-Negara Membangun**

Dalam dasar luar Malaysia yang memperjuangkan isu-isu masyarakat Islam dan kemanusiaan pula jelas Dr. Mahathir Mohamad menggunakan isu-isu tersebut untuk memperkukuhkan kedudukannya sebagai seorang pemimpin Islam dan nasionalistik. Oleh itu beliau mengambil pendekatan 'diplomasi protest' dalam memperjuangkan kepentingan umat Islam negara-negara membangun yang lain. Beliau menggunakan isu-isu seperti Palestin, Afghanistan dan Bosnia bagi mendapatkan legitimasi politik dan sokongan khususnya dari kalangan pengundi Melayu apabila parti pimpinan beliau UMNO menghadapi saingan hebat dari parti PAS yang berideologikan Islam sebagai matlamat perjuangan politiknya. Malah Dr. Mahathir Mohamad turut memperkenalkan beberapa inisiatif baru yang berasaskan Islam untuk meraih sokongan mereka.

Selain itu, Dr. Mahathir juga sanggup memecah tradisi ASEAN yang berpegang kepada prinsip tidak campurtangan dalam hal ehwal negara lain, untuk membantu kumpulan pemisah Islam di negara-negara jiran. Beliau sanggup berbuat demikian semata-mata untuk mencapai hasratnya kerana mahu dilihat sebagai pemimpin Islam yang memperjuangkan nasib masyarakat Islam dunia. Ternyata Dr. Mahathir Mohamad telah menggunakan dasar luar sebagai lanjutan kehendak politik dalam negeri. Ini dapat disimpulkan dengan pandangan Milne dan Mauzy yang menyebut,

*"A "political" way of putting it would be to say that foreign policy must shaped in order to maintain the government comfortably in power. In Malaysia this tactic is apparent in strengthening links with Muslim countries and letting electors know that government policies are approved of by Muslims outside the country"*<sup>198</sup>

Namun begitu, sepertimana dikatakan tadi, kelantangan Dr. Mahathir Mohamad membidas sikap negara-negara maju tidak membawa banyak perubahan kepada dasar-dasar negara-negara maju terhadap kepentingan negara-negara membangun. Misalnya, dalam soal Antartika, walaupun beliau secara aktif memperjuangkan isu tersebut di arena antarabangsa tetapi dasar negara maju terhadap isu tersebut tetap sama.<sup>199</sup> Disebabkan bantahan oleh negara-negara tersebut, Malaysia gagal mendapatkan ketetapan untuk menubuhkan Jawatankuasa PBB bagi menggantikan *Antartica Treaty Sytem* yang ada.<sup>200</sup> Kekayaan Antartika terus dieksploitasi oleh negara negara maju tanpa mengambilkira kepentingan negara membangun. Begitu juga dalam soal Palestin sehingga kini belum ada sebarang penyelesaian yang konkrit. Keganasan rejim Zionis terhadap penduduk

<sup>198</sup> R. S. Milne, dan Diane K. Mauzy, *Malaysian Politics Under Mahathir*, London: Routledge, 1999, hlm. 143

<sup>199</sup> Johan Saravanamuttu, hlm. 6

<sup>200</sup> Mokhtar bin Muhammad, hlm. 481

Palestin tetap berterusan walaupun mendapat bantahan masyarakat antarabangsa. Malaysia yang melaung-laungkan semangat perpaduan di kalangan negara-negara Islam di bawah pertubuhan OIC juga kelihatan tidak membawa sebarang perubahan yang ketara. Dalam isu persengketaan di antara India dan Pakistan berhubung wilayah Kashmir pula, Malaysia yang diminta untuk menjadi orang tengah menyelesaikan konflik tersebut terpaksa menolak permintaan itu kerana menganggap dirinya sebuah negara kecil dan tidak mampu menyelesaikan isu melibatkan dua buah kuasa besar nuklear itu. Begitu juga dalam soal amalan dasar perlindungan ekonomi oleh negara-negara maju, Malaysia tidak berupaya melakukan banyak perubahan. Sebarang usaha Dr. Mahathir Mohamad untuk mempertahankan kepentingan ekonomi negara mendapat bantahan dan kritikan yang hebat dari negara-negara maju. Justeru itu, Dr. Mahathir Mohamad mengalihkan perhatiannya kepada badan dunia lain seperti NAM, G-15, G-77, OIC dan EAEC untuk mencari pasaran dan seterusnya memenuhi kepentingan ekonomi Malaysia.

### **6.3 Kesimpulan**

Walaubagaimanapun tidak keterlaluan jika dikatakan Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin pragmatik Dunia Ketiga yang berupaya menonjolkan kepimpinannya sebagai "*Voice for the Third World*". Ini terbukti dengan usaha dan tindakan beliau dalam mengartikulasikan segala permasalahan yang membabitkan masyarakat negara membangun di pentas antarabangsa. Dr. Mahathir Mohamad bukan saja lantang bersuara secara rasional, malah mampu bertindak walaupun menghadapi risiko akibat daripada tentangan hebat dari negara-negara maju.

Dr. Mahathir mungkin tidak menjadi popular di kalangan negara-negara maju, tetapi negara-negara membangun merasakan pandangan beliau wajar didengar dan diberi perhatian serius. Negara-negara membangun merasakan mereka sudah mendapat seorang pemimpin yang ikhlas dan bersuara lantang kerana mampu mengemukakan gagasan yang besar di forum-forum antarabangsa berhubung kepentingan negara-negara membangun tanpa perasaan takut atau gementar. Gaya kepimpinan tersebut telah membolehkan beliau mendapat imej sebagai *internationalist* yang berwibawa. Dr. Mahathir merupakan satu-satunya pemimpin di rantau Asia yang sanggup mengkritik kuasa-kuasa besar dunia. Beliau berani membidas pemimpin-pemimpin dunia yang mempamerkan sikap mementingkan diri sendiri dalam isu-isu utama dunia. Dr. Mahathir sentiasa mendapat perhatian dunia kerana sikap dan pendiriannya yang tegas dalam membincangkan isu-isu utama yang melibatkan kepentingan negara-negara membangun.

Jelas di sini, Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi *Spokesman of Asia* berjaya dapat menarik perhatian masyarakat antarabangsa terhadap isu-isu penting negara-negara membangun dan pada masa yang sama menggunakan isu-isu tersebut untuk memenuhi kepentingan politik peribadi beliau dan juga kepentingan ekonomi negara dengan berkesan sekali.

Daripada hasil kajian ini juga penulis berpendapat, kajian yang berkaitan dengan faktor *idiosyncratic* dan ideologi politik Dr. Mahathir dalam mempengaruhi pengurusan dasar luar Malaysia khususnya dengan negara-negara Barat dapat dilakukan di masa hadapan sebagai usaha untuk memahami dengan lebih terperinci lagi tentang kepimpinan beliau yang dianggap sebagai pragmatik dan nasionalistik.